



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JAS LAKSANAKAN SIASATAN MENYELURUH DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 BERKAITAN PELUPUSAN HARAM DI JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima satu aduan berkaitan kejadian pelupusan haram tong drum yang disyaki mengandungi buangan terjadual di kawasan berhampiran Ladang FELCRA Ayer Hitam, Bandar Sri Jempol, Negeri Sembilan.

Susulan itu, satu siasatan bersepadu telah dilaksanakan pada 15 April 2026 jam 10.00 pagi melibatkan JAS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol serta Majlis Daerah Jempol.

Hasil siasatan awal mendapati sebanyak 26 tong drum berkapasiti 200 liter setiap satu telah ditemui di lokasi berkenaan, dipercayai mengandungi bahan seperti buangan bahan penyejuk dan buangan enapcemar cat. Kesemua tong tersebut masih berada di lokasi kejadian, telah dikawal (cordon) dan ditutupi dengan kanvas plastik sebagai langkah pencegahan awal.

Sebagai langkah lanjut, JAS telah menjalankan persampelan terhadap bahan yang disyaki untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia. Pada masa yang sama, siasatan penjejakan punca pelupusan haram ini sedang giat dijalankan JAS di sekitar lokasi berhampiran kawasan kejadian termasuk mengenal pasti pemilik tanah dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Jempol. Pemantauan berterusan dibuat oleh JAS dan setakat ini, tiada tanda-tanda tumpahan bahan ke alur air berhampiran dan lokasi kejadian juga didapati berada jauh dari sungai, sekali gus mengurangkan risiko pencemaran segera kepada sumber air awam.

Kes pencemaran ini disiasat di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang memperuntukkan denda maksimum RM10,000,000 dan penjara mandatori tidak melebihi 5 tahun terhadap mana-mana pihak yang didapati melupuskan buangan terjadual secara haram. JAS ingin menegaskan bahawa sebarang aktiviti pelupusan buangan terjadual tanpa kelulusan adalah satu kesalahan serius dan tidak akan dikompromi. Orang awam juga digalakkan untuk terus menyalurkan maklumat berkaitan pencemaran alam sekitar bagi membolehkan tindakan segera diambil.

JABATAN ALAM SEKITAR
16 APRIL 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763